

# Kongsi perayaan tak bercanggah Islam: PM

BH-19/10/2008

## Rakyat hanya rai bersama bukan campur adukkan adat, hukum

Oleh Kadir Dikoh

**P**UTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, amalan menyambut perayaan secara berkongsi antara masyarakat pelbagai kaum di negara ini, tidak bercanggah dengan tuntutan agama atau mencemarkan kesucian Islam.

Perdana Menteri berkata, tidak menjadi masalah untuk umat Islam meraikan kongsi Aidilfitri bersama dengan penganut agama lain asalkan tidak mencampurkan soal adat dengan agama masing-masing.

"Bila sebut kongsi raya, ada orang sebut raya bersama. Bukan bermakna adat atau hukum agama Islam dan India nak dicampurkan. Ini tidak bermakna orang Islam kena pergi ke candi (kuil) atau orang Hindu pergi ke masjid.

"Apabila Hari Raya, kita umat Islam dengan cara kita. Jadi hubungan sosial antara kaum ini tidak ada masalah. Dulu kita pergi juga untuk sama-sama sambut Deepavali atau dia datang rumah kita yang sedang sambut Aidilfitri.

"Tiada salah langsung dan ia tak ada hubung kait dengan mencemarkan agama kita," katanya pada majlis penyampaian sumbangan Hari Raya dan Deepavali kepada 113 kakitangan sokongan di Pejabat Perdana Menteri, di sini, semalam.

Hadir sama ialah anak perempuan Perdana Menteri, Nori yang juga Pengerusi Yayasan Budi Penyayang dan Ketua Pegawai Eksekutif yayasan itu, Leela Mohd Ali.

Walaupun tidak menyebut sebarang kes secara spesifik, Abdullah dipercayai merujuk isu kontroversi kandungan e-mel seorang pegawai sebuah syarikat takaful yang melarang ucapan selamat dibuat bagi perayaan agama lain.

**“ Bila sebut kongsi Raya, ada orang sebut raya bersama. Bukan bermakna adat atau hukum agama Islam dan India nak dicampurkan”**

**Abdullah Ahmad Badawi**  
Perdana Menteri

Kelmarin, pegawai itu sudah memohon maaf berhubung kandungan e-melnya dan menarik balik e-mel itu yang dibuatnya awal bulan ini.

Pegawai itu berkata, e-mel berkenaan adalah pandangan peribadi beliau dan bukan pandangan rasmi syarikat takaful terbabit.

Tindakan pegawai itu menerima teguran pelbagai pihak termasuk Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdullah Md Zin, Ketua Pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) Dr Syed Ali Tawfik Al-Attas dan dua mufti.

Perdana Menteri berkata, sudah menjadi tradisi rakyat di negara ini untuk saling membuat ucapan selamat untuk perayaan sesuatu kaum

seperti Selamat Aidilfitri atau Selamat Deepavali.

"Jangan ada kekeliruan. Kita dengar macam-macam cakap yang boleh timbulkan kekeliruan, (sedangkan) tiada langsung perkara yang boleh dilihat sebagai mencemarkan agama," katanya.

Mengenai majlis berkenaan, beliau berkata ia bagi meneruskan tradisi yang dimulakan oleh Allahyarham Datin Seri Endon Mahmood sebelum ini.

"Niat saya supaya amalan ini diteruskan atas namanya (Endon). Tinggal enam hari lagi Raya, mudah-mudahan bantuan ini dapat membantu keperluan untuk Hari Raya dan Deepavali," katanya.